

NO. SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 26 MEI 2016

SOALAN :

YB. Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang untuk mempromosi Rantau Panjang sebagai destinasi pelancongan untuk pelancong tempatan dan antarabangsa.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah perancangan jangka pendek yang telah dilaksanakan untuk mempromosi Rantau Panjang sebagai destinasi pelancongan adalah seperti berikut :

1. Mempromosikan Pusat Bebas Cukai Rantau Panjang dalam sesi pembentangan produk-produk pelancongan Kelantan semasa Program Lawatan dan 'Business to Business' Langkawi-Kelantan 2016 yang telah dianjurkan bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) pada 23 hingga 25 Februari 2016 di Hotel Holiday Villa Kota Bharu, Kelantan.
2. Mempromosikan Rantau Panjang kepada penggiat industri pelancongan dari semasa ke semasa dalam setiap aktiviti berkaitan seperti lawatan media serta lawatan dari jabatan kerajaan dan swasta dari luar Kelantan.
3. Selain daripada itu, Pusat Penerangan Pelancongan di Pejabat Tourism Malaysia Kelantan juga turut mempromosikan Pusat Bebas Cukai Rantau Panjang sebagai salah satu pusat membeli belah kepada pelancong-pelancong tempatan dan antarabangsa yang berkunjung ke kaunter untuk bertanyakan maklumat destinasi pelancongan di Kelantan.
4. Pihak Media Prima Berhad dengan kerjasama Tourism Malaysia Kelantan turut mempromosikan Rantau Panjang dalam segmen Rancangan Nona yang dijadualkan untuk siaran pada 5 Jun 2016. Segmen yang bertajuk "Istimewa Kelantan" ini turut mempromosikan beberapa tarikan pelancongan lain yang terdapat di sekitar Kota Bharu termasuklah makanan dan pembuatan barangan kemas yang sememangnya terkenal di Kelantan.

Selain daripada itu, beberapa perancangan jangka panjang yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. Projek Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan telah menyediakan kemudahan Kaunter Penerangan Pelancongan (Tourism Information Counter) di Stesen Kereta Sewa dan Teksi Rantau Panjang yang telah siap pada 2 tahun lepas dan telah diserahkan kepada Persatuan Pemandu Kereta Sewa dan Teksi Rantau Panjang. Bekalan brosur mengenai produk-produk pelancongan dan homestay telah turut dibekalkan kepada pihak persatuan.
2. Pembinaan Pasar Baru Rantau Panjang atau nama rasminya Bazar Siti Fatimah dengan peruntukan sebanyak RM 13 juta. Bazar yang menempatkan 517 buah gerai termasuk 12 gerai makan ini telah diserahkan kepada Majlis Daerah Pasir Mas oleh Kementerian Pelancongan pada 10 Oktober 2011 dan mula beroperasi secara rasmi pada Julai 2014. Bazar Siti Fatimah kini merupakan salah satu tempat yang perlu dilawati jika berkunjung ke Rantau Panjang dan pelbagai jenis barangan seperti pakaian, makanan ringan, perhiasan rumah dan lain-lain boleh didapati di sini.
3. Penganjuran program dua hala di antara Kelantan dengan Negara Thailand seperti Goodwill Games dan Pesta Kebudayaan Thailand-Malaysia yang dianjurkan oleh Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Negeri Kelantan turut menyumbangkan kepada kemasukan pelancong terutama rakyat Thailand ke Kelantan khususnya Rantau Panjang. Merujuk kepada statistik kedatangan pelancongan yang diperolehi oleh Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan, jumlah kedatangan pelancong ke Kelantan melalui pintu masuk Rantau Panjang bagi tempoh Januari hingga Mac 2016 adalah sebanyak 96,500 orang di mana pelancong dari Negara Thailand telah mencatat bilangan tertinggi iaitu sebanyak 94,400 orang (97.8%).

Sekian, terima kasih.